selangorkini
PP 19570/07/2020 (035196) | **PERCUMA**
EDISI KHAS

BELANJAWAN SELANGOR 2022

Imbas di sini
akhbar digital

Bantuan khas sebulan gaji

PENJAWAT awam negeri ini bertuah menerima Bantuan Khas Kewangan (BKK) lebih banyak tahun ini dengan jumlah satu bulan gaji yang dibayar pada 29 Disember, umum Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata insentif kali kedua tahun ini, atau bayaran sekurang-kurangnya RM1,000, membabitkan implikasi kewangan sebanyak RM37.5 juta.

Insentif pertama setengah bulan gaji diberikan kepada penjawat awam bersempena sambutan Hari Raya Aidilfitri pada Mei lalu.

"Untuk menghargai usaha serta komitmen penjawat awam yang tidak kenal erti penat lelah bersama-sama memastikan penyampaian perkhidmatan kekal efisyen dan berkesan, sukacitanya saya mengumumkan BKK selama satu setengah bulan untuk tahun ini," katanya.

Dana RM2.34 bilion tumpu lima teras

KERAJAAN Negeri memperuntukkan RM2.34 bilion dalam Belanjawan Selangor 2022 bagi meningkatkan manfaat kepada rakyat dan merancakkan ekonomi.

Membentang dokumen penting ini pada 26 November, Dato' Menteri Besar berkata keseluruhan jumlah tersebut tinggi sedikit berbanding tahun lalu iaitu RM2.32 bilion.

Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan sebanyak RM1.22 bilion atau 52 peratus diperuntuk bagi perbelanjaan mengurus dan RM1.12 bilion lagi untuk pembangunan.

"Bagi tahun 2022, Kerajaan Negeri menganggarkan hasil yang boleh dikutip berjumlah RM2.05 bilion.

"Antara penyumbang utama kepada hasil negeri tahun 2022 adalah premium tanah sebanyak RM906.33 juta bersamaan 44.21 peratus daripada anggaran hasil keseluruhan," katanya di Dewan Negeri Selangor.

Beliau berkata defisit RM222.7 juta dicatatkan selepas mengambil kira jangkaan hasil negeri sebanyak RM2.1 bilion dan anggaran perbelanjaan berjumlah RM2.323 bilion.

"Defisit ini lebih tinggi berbanding tahun 2021 bagi penyediaan peruntukan pembangunan yang substantif bagi mengukuhkan pemacuan ekonomi pasca pandemik Covid-19 sekali gus membina negeri tahan uji dalam pelbagai aspek," katanya.

Bertema Kita Selangor: Negeri Tahan Uji, Mengangkat Martabat Insani, belanjawan tahun depan menggariskan lima teras utama iaitu:

- memacu pertumbuhan ekonomi berimpak tinggi dan meningkatkan kecekapan penyampaian
- membangun masyarakat penyayang dan kesejahteraan sosial
- mengukuhkan agenda kesihatan awam Selangor
- mewujudkan persekitaran hijau dan pembangunan lestari
- mengoptimumkan teknologi pintar dan digitalisasi

Infografik lengkap di muka 12 dan 13

Wartawan: Afix Redzuan, Amin Ridzuan Ishak, Nadiah Zamlus, Norrasyidah Arshad, Zareef Muzammil, Sheeda Fathil, Norhayati Yahaya
Penyunting: Helmi Mohd Foad, Naeem Raffi, Faridzwan Abdul Ghafar, Afeeqa Afeera Abdul Rasol, Khairul Azran Hussin, Norzilawati Sidek
Jurufoto: Hafiz Othman, Ahmad Zakki Jilan, Fikri Yusof, Remy Ariffin
Grafik: Mohd Azwa Malek, Azarina Abd Aziz, Farah Azila Mustapha

TERAS

MEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI BERIMPAK TINGGI DAN MENINGKATKAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN

RM250 juta tingkat jaringan jalan raya

JABATAN Kerja Raya menerima peruntukan berjumlah RM138.13 juta bagi merapatkan jurang pembangunan antara daerah melalui peningkatan jaringan jalan raya.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata jumlah diluluskan itu meliputi kos pelaksanaan semua projek jalan raya pada tahun depan.

Menurutnya, Kerajaan Negeri turut membelanja RM44 juta bagi menampung kos pembinaan jalan baharu di Gombak, Sepang dan Kuala Langat yang menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi sekitar.

"Bagi memastikan jalan sedia ada dapat menampung aliran trafik serta mengatasi kesesakan, Kerajaan Negeri memperuntuk RM65.4 juta bagi tujuan itu. Ia termasuk cadangan naik taraf jalan tertentu.

"Sejumlah RM2 juta turut diluluskan bagi kerja pewartaan jalan seluruh daerah negeri ini secara berperingkat," katanya.

Beliau berkata Selangor bakal memperluaskan penggunaan sistem pintar aset jalan raya yang dilengkapi perisian sistem maklumat geografi (geographic information system) bagi mengatasi masalah jalan berlubang, garisan pudar atau kerosakan lain dengan lebih pantas.

Sistem dalam talian itu dikendalikan anak syarikat Kerajaan Negeri, Selgem Sdn Bhd dan kos pembiayaan ditanggung Kumpulan Semesta.

"Bagi meneruskan projek pembinaan dua jambatan iaitu di Kampung Sungai Kundang, Gombak dan Kampung Sungai Buah, Sepang sebanyak RM8.23 juta diperuntuk.

"Untuk memastikan infrastruktur sedia ada dalam keadaan selamat, kos melibatkan RM4.98 juta akan dibelanja bagi kerja membina dan menaik taraf bangunan termasuk membaik pulih istana di negeri," katanya.

Sabak Bernam jadi hab pengeluar makanan

SABAK Bernam yang menjadi hab pengeluaran makanan utama negeri ini akan menikmati pelaburan bernilai RM1.08 juta untuk membangunkan industri hiliran sektor itu, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata antara inisiatif bagi meningkatkan sektor pertanian dan pengeluaran makanan adalah seperti berikut:

- Pusat industri hiliran hasil laut dan agro makanan seluas 450 ekar membabitkan pelaburan RM500 juta oleh kerajaan dan swasta
- Pembinaan pusat sembelihan ayam di Sekendi bernilai RM15 juta
- Pembinaan kilang minyak sawit di Jelutong Jati melibatkan kos RM50 juta
- Pusat logistik dan perdagangan di Sungai Lang dan Hentian di Air Manis seluas 36 ekar dengan pelaburan sekitar RM500 juta

"Kerajaan Negeri membaiki dan meningkatkan prasarana Kelong Paradise di Bagan Nakhoda Omar sebagai salah satu produk pelancongan dengan menjadikannya taman ikan.

"Bangunan Hay Resort milik Kerajaan Negeri juga akan dibangunkan dengan penyertaan pihak swasta dengan pelaburan sekitar RM20 juta bagi menyediakan kemudahan untuk pelancong ke Sabak Bernam," katanya.

Lonjak potensi sektor rel

KERAJAAN Negeri menubuhkan Majlis Industri Rel Selangor bagi menjana ekonomi dan mencipta peluang kerja.

Industri berkenaan ada potensi seperti aeroangkasa, justeru majlis berkenaan mampu mengukuhkan sektor tersebut.

Majlis itu yang mengumpulkan kekuatan 50 syarikat dengan tenaga kerja hampir 8,000 orang ini akan menjadikan industri rel sebagai tonggak kepada ekonomi negeri.

"Selain merancang dan merangka program pembangunan serta promosi industri rel, majlis ini berupaya mencipta peluang pekerjaan," kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Jalur lebar di zon industri

KEMUDAHAN jalur lebar mudah alih di kawasan perindustrian disediakan menerusi inisiatif Jalur Lebar Industri Selangor (Jalin) membabitkan dana RM6 juta.

Inisiatif berkenaan dapat mengukuhkan kedudukan Selangor sebagai pilihan utama pelabur tempatan dan luar negara.

"Smartsel Sdn Bhd akan bekerjasama dengan pemain industri telekomunikasi sedia ada dalam menyediakan jalur lebar di kawasan industri teknologi tinggi dengan peruntukan RM6 juta pada 2022," katanya.

Tambah biaya Hijrah, bantu ramai usahawan

YAYASAN Hijrah Selangor (Hijrah) yang ditubuhkan enam tahun lepas akan menambah baik kemudahan pembiayaan bagi membantu usahawan, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata inisiatif melibatkan beberapa aspek antaranya pembiayaan, skim baharu, tawaran pinjaman serta pengurangan pinjaman.

Berikut penambahbaikan ditawarkan:

- peruntukan RM120 juta bagi pembiayaan kepada usahawan
- skim pembiayaan baharu kepada usahawan RM100,000 untuk meningkatkan perniagaan ke tahap industri kecil dan sederhana dengan pasaran awal pembiayaan sehingga RM10 juta
- mewujudkan skim pembiayaan i-Agro yang memberi fokus kepada 2,000 usahawan tani dengan jumlah pembiayaan maksimum RM26,000. Sasaran pelaksanaan skim berjumlah RM 52 juta
- mewujudkan Dataran Hijrah yang menjadi pusat perniagaan berpusat untuk semua perkhidmatan
- meningkatkan jumlah minimum pinjaman dari RM5,000 ke RM10,000 bagi program zero-to-hero
- mengurangkan caj pengurusan peminjam dari lapan peratus kepada empat peratus untuk pinjaman RM30,000 ke bawah
- membatalkan syarat wajib peminjam yang mempunyai 25 peratus daripada jumlah pinjaman dalam akaun

Sementara itu, Amirudin berkata program Unit Dana Usahawan India Selangor (I-Seed) yang berperanan membantu masyarakat India menerusi bantuan peralatan niaga bakal diteruskan dengan peruntukan RM1.146 juta.

"Tahun ini dengan jumlah yang sama program dapat membantu 254 individu," katanya.

SELANGOR DIGITAL SCHOOL (SDS)

Bina sekolah digital

JALINAN kerjasama membabitkan syarikat modal Program Padanan Penjana Nasional Kapital (Penjana Nasional), The Hive dalam menubuhkan Sekolah Digital Selangor (SDS) mampu memberi pelaburan sepadan kepada Kerajaan Negeri.

Pelaburan melalui Penjana Nasional yang merupakan inisiatif bawah Kementerian Kewangan itu membolehkan SDS memiliki modal kukuh bagi menonjolkan kedudukan premiumnya.

SDS ditubuhkan dengan kerjasama Universiti Selangor dan The Hive menawarkan kursus digital serta teknologi yang relevan dan memenuhi keperluan pasaran.

RM2 juta geran mikro

GERAN Dana Usahawan Mikro Selangor (DUMS) diperkenal bagi membantu peniaga kecil negeri ini meningkatkan hasil jualan.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata untuk tujuan itu pihaknya memperuntuk sejumlah RM2 juta bagi menjayakannya.

"Bantuan khas ini diberikan kepada usahawan mikro melalui sembilan daerah. Ia dilihat mampu melahirkan peniaga berdaya tahan.

"Setiap pemohon yang menepati syarat dan kelayakan yang ditetapkan dipertimbang untuk menerima bantuan sehingga RM30,000," katanya.

Sementara itu Amirudin berkata dana sebanyak RM5 juta untuk Geran Padanan Digitalisasi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang dilancar April lalu membantu 1,048 syarikat.

"Sehingga 10 November sebanyak 1,500 PKS membuat permohonan dan 1,048 lulus permohonan. Jumlah ini melebihi sasaran awal iaitu 1,000 syarikat PKS," katanya.

Dana RM114 juta jana sektor pelancongan

KERAJAAN Selangor menyalurkan peruntukan RM114.6 juta untuk merangsang semula sektor pelancongan negeri ini yang terjejas akibat penularan Covid-19.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata dana bagi tempoh 2021 hingga 2025 itu bagi melaksanakan beberapa inisiatif yang membabitkan semua sektor industri.

Jelasnya, bagi meningkatkan semula sektor itu, Kerajaan Negeri menyalurkan geran pemulihan kepada penggiat industri di bawah Pakej Kita Selangor dan memperkasa promosi seperti Kempen Pusing Selangor Dulu serta Splendid Selangor.

"Turut dilaksanakan, penyediaan tatacara operasi piawai Pelancongan 'Selamat Dan Sihat' untuk Selangor, penganjuran Persidangan Global Pelancongan Selangor untuk 2022 dan pembangunan infrastruktur pelancongan serta kraftangan," katanya.

INDUSTRI PELANCONGAN
RM114.6 JUTA
BAGI TEMPOH 2021-2025

Taman industri halal pertama di Malaysia

SEBANYAK RM2 juta diperuntuk untuk Hab Halal Selangor di Pulau Indah, Klang bagi meneruskan kelangsungan dan kecemerlangan industri halal negeri ini, kata Dato' Seri Amirudin Shari.

Dato' Menteri Besar berkata dana kepada taman perindustrian halal pertama di Malaysia seluas 700 ekar itu bagi memenuhi akreditasi kualiti di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Menurutnya, tiga perancangan di bawah Pelan Tindakan Halal Selangor (SELHAP) 2018-2028 turut dilaksana bagi mewujudkan portal halal yang mengumpul pihak berkepentingan di Selangor.

"Mewujudkan pangkalan data bahan halal yang akan menjadi sumber rujukan utama untuk pensijilan dari pelbagai sektor industri halal meliputi rantaian

pembekalan di peringkat tempatan mahu pun global.

"Membina gudang simpanan moden dengan peruntukan RM500,000 pada 2022. Gudang ini bakal dibina di daerah Klang, sesuai dengan lokasi kemasukan barangan daripada luar negara dan kemajuan ekonomi di daerah tersebut," katanya.

Sementara itu, Amirudin berkata RM5 juta diperuntuk sebagai dana awal melaksanakan pembangunan kompleks perumahan pekerja Selangor bagi menyediakan kediaman kondusif yang mematuhi Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990.

Menurutnya, projek kerjasama awam dan swasta itu akan dilaksana di lapan daerah di tanah seluas 145 ekar milik Kerajaan Negeri dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor.

Lokasi pembinaannya di Taman Perindustrian USJ 1, Subang Jaya, Petaling; Kawasan Perindustrian Pulau Indah, Klang; Kawasan Perindustrian Kampung Baru Balakong, Hulu Langat; Taman Velox Bandar Rawang, Gombak; Telok Panglima Garang, Kuala Langat; Pekan Bestari Jaya, Kuala Selangor; Brownfield Bandar Bukit Sentosa, Hulu Selangor dan Sungai Lang, Sabak Bernam.

Perkenal program dron, kejuruteraan

PROGRAM kepintaran buatan dan pembangunan dron serta program ijazah sarjana muda dalam bidang kejuruteraan penerbangan akan diperkenal di Universiti Selangor (Unisel), Bestari Jaya, Kuala Selangor.

Dato' Menteri Besar berkata Kerajaan Negeri bagi memberi nafas baharu kepada sektor itu dengan menubuhkan Selangor Aviation and Technology Innovations Sdn. Bhd. (Selati), Pusat Kecemerlangan Selati-Unisel dan Sekolah Penerbangan Selati-Unisel selain mewujudkan rangka kerja kemahiran dan kerjaya Selangor bagi industri aeroangkasa.

"Usaha-usaha ini akan mewujudkan peluang pelaburan baru bagi syarikat pembekal aeroangkasa, kepintaran buatan (AI) dan pembangunan dron bertempat di Unisel, Bestari Jaya.

"Tawaran kursus latihan jangka pendek dan program ijazah sarjana muda dalam kejuruteraan penerbangan serta pembangunan modal insan berkemahiran dan pasaran buruh untuk menyokong industri aeroangkasa," kata Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau berkata bagi menyokong pertumbuhan sektor aeroangkasa penganjuran Pameran Udara Selangor (SAS) yang julung kali dianjurkan tahun ini juga akan diteruskan tahun depan dengan peruntukan RM5 juta.

Menurutnya, acara yang menghimpunkan pemain aeroangkasa dan penerbangan terbaik di dunia itu diharap dapat mewujudkan peluang perniagaan dan pelaburan berpotensi di peringkat domestik dan antarabangsa.

Bangun jajaran Sungai Klang

SEBANYAK 3,400 unit kediaman dibina di sekitar jajaran Sungai Klang sebagai projek rintis ekonomi berimpak tinggi dengan nilai pembangunan kasar (GDV) cecah RM1 bilion.

Dato' Menteri Besar berkata projek itu melibatkan pembangunan 2,000 unit rumah mampu milik serta 1,400 kediaman harga bebas.

"Seluas 600 ekar tanah sepanjang 56 kilometer melibatkan jajaran Sungai Klang dikenal pasti untuk dibangunkan dalam tempoh lapan hingga 10 tahun.

"Menjelang 2030 pesisir sungai itu bakal menyaksikan pembangunan 26,000 unit kediaman akan disiapkan. 50 peratus daripadanya melibatkan kediaman mampu milik," kata Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau berkata kediaman berkeluasan 900 kaki persegi berkenaan mengutamakan keselesaan serta kehidupan rakyat kategori B40 dan M40.

Permit khas guna tanah

KERAJAAN Negeri memperkenal Program Permit Khas yang membenarkan tanah pertanian diguna untuk kegiatan lain, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata pihaknya turut mewujudkan Permit Khas Kediaman Selain Daripada Tujuan Kediaman atau Perniagaan.

"Penguatkuasaan dijalankan bagi memastikan perancangan bandar oleh Kerajaan Negeri teratur dan tersusun selain kesaksamaan untuk semua pengusaha syarikat," katanya.

Sementara itu, beliau berkata pemutihan kilang tanpa kebenaran yang tamat hujung tahun lalu membantu pungutan hasil sebanyak RM76 juta setakat Julai tahun ini.

"Sehingga Disember 2022 sebanyak 4,728 lot serta 5,755 kilang dibanci. Daripada jumlah itu 367 lot kemukakan permohonan tukar kategori dan syarat nyata tanah," katanya.

MEMBANGUN MASYARAKAT PENYAYANG DAN KESEJAHTERAAN SOSIAL

RM65.25 juta laksana program kebajikan

KERAJAAN Negeri memperuntuk RM65.25 juta bagi melaksanakan program kebajikan rakyat Selangor pada tahun hadapan.

Dato' Menteri Besar berkata Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM1.2 juta menjadikan keseluruhan RM2 juta di bawah program Bina Baru dan Baikpulih Rumah Kerajaan Prihatin.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata pertambahan peruntukan itu dapat membantu memulihkan sosioekonomi dan meningkatkan jumlah penerima manfaat.

"Kerajaan Selangor membantu rakyat berpendapatan rendah (B40) dan yang kurang berkemampuan dalam memiliki kediaman yang selesa dan selamat untuk didiami, meningkatkan taraf pendidikan masyarakat serta melaksanakan program-program berbentuk kursus jangka pendek dan sederhana bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan terkini," katanya.

Selain itu, bagi program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan sebanyak RM2 juta diperuntukkan dengan nilai manfaat sebanyak RM10,000 bagi setiap permohonan.

Bantu 2,500 anak yatim

KERAJAAN Negeri memperuntuk sumbangan kewangan RM1.25 juta kepada anak yatim yang kehilangan ibu bapa akibat Covid-19.

Sumbangan RM500 setiap penerima dijangka memberi manfaat kepada 2,500 anak yatim di seluruh Selangor, antara golongan paling terkesan akibat pandemik.

"Saya telah menziarahi beberapa keluarga di mana kedua-dua ibu dan bapa menjadi mangsa Covid-19 dan anak-anak mereka dalam situasi ketidaktentuan," kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

RM3 juta buat anak istimewa

SEBANYAK RM3 juta diperuntuk bagi melaksanakan pelbagai inisiatif menerusi Jabatan Anak Istimewa Selangor (Anis) pada tahun depan termasuk menubuhkan sebuah akademi.

Kerajaan Negeri juga memberi bantuan kewangan kepada Pusat Program Intervensi Awal (EIP) dan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) melalui program Didik Anis.

Pusat Sokongan Pendidikan Awal Anis yang ditubuh pada Ogos turut diperkasa dengan modul persediaan ke sekolah bagi anak istimewa berusia dua hingga lima tahun.

Kerajaan Negeri turut memperuntuk RM1 juta bagi membantu orang kelainan upaya (OKU) mendapat peluang pekerjaan dalam industri.

Bantu peneroka bandar miliki rumah

SEJUMLAH RM10.77 juta diperuntuk bagi membantu peneroka bandar mendapatkan pembiayaan memiliki kediaman menerusi Tabung Amanah Rumah Mampu Milik.

Dato' Menteri Besar berkata peruntukan bagi tempoh empat tahun bermula 2021 hingga 2024 itu membolehkan pembelian unit sebelum dijadikan Skim S2-OWN.

“Kerajaan Negeri amat prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh peneroka bandar sejak sekian lama terutamanya kegagalan pemohon untuk mendapatkan pembiayaan,” kata Dato’ Seri Amirudin Shari.

Sementara itu, Amirudin berkata sebanyak 49 projek melibatkan 84,192 unit Rumah Selangorku Harapan dan Rumah Idaman MBI diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) sehingga 31 Ogos tahun ini.

"Angka ini telah melebihi sasaran Kerajaan Negeri untuk membina 30,000 unit menjelang tahun 2023.

"Insentif ini membenarkan pemaju meminda syarat daripada Rumah Selangorku Jenis A, Jenis B, Jenis C dan Jenis D kepada satu jenis sahaja iaitu Rumah Selangorku Jenis E (Khas) atau dikenali sebagai Rumah Selangorku Harapan dan Rumah Idaman MBI," katanya.

Beliau menjelaskan rumah berkeluasan minimum 1,000 kaki persegi dengan harga jualan tidak lebih RM250,000 seunit itu turut dilengkapi dengan kelengkapan asas antaranya pendingin hawa, kabinet televisyen, kabinet dapur, kabinet baju dan pemanas air.

Selain itu, Kerajaan Negeri mewujudkan skim Insurans Pangsapuri Kos Rendah dengan peruntukan RM1.5 juta bagi menyelesaikan ketidakmampuan badan pengurusan pangsapuri menginsuranskan bangunan mengikut Seksyen 93 Akta Pengurusan Strata 2013 (757).

ILTIZAM PENEROKA BANDAR RM10.77 JUTA

"Dengan adanya skim Insurans Pangsapuri, pihak Kerajaan Negeri membantu membuat pampasan daripada pihak insurans (Takaful) disebabkan oleh kebakaran, kerosakan akibat ribut atau angin kencang, kerosakan akibat daripada limpahan tangki air dan kerosakan lif,"katanya.

RM5.03 juta perkasa agenda wanita

SEBANYAK RM5.03 juta diperuntuk untuk Wanita Berdaya Selangor (WBS) bagi memperkasa wanita dalam pelbagai bidang.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata dana berkenaan turut digunakan untuk Pusat Wanita Berdaya (PWB) di 56 Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Akademi Kepimpinan Wanita untuk melatih kepemimpinan akar umbi.

"Kerajaan Negeri sentiasa memberikan komitmen tinggi bagi menggalakkan penglibatan wanita di dalam pelbagai bidang di negeri ini dengan penubuhan sebuah anak syarikat khusus berkaitan wanita iaitu Wanita Berdaya Selangor Sdn Bhd yang ditubuhkan pada 6 Januari 2021 di bawah Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)," katanya.

Beliau menjelaskan program Pembelajaran Sepanjang Hayat dengan peruntukan RM200,000 setahun diperkenal supaya golongan wanita berpeluang menyambung pelajaran.

Amirudin berkata pemberian biasiswa dengan kerjasama Open University Malaysia (OUM) itu khusus untuk wanita Selangor terpilih.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut memperuntuk RM200,000 bagi meneruskan talian hotline khas Keganasan Domestik Talian (SELamat) yang diumumkan dalam Pakej Rangsangan Selangor 2.0.

"Statistik menunjukkan peningkatan kes keganasan domestik dalam negara meningkat



WANITA BERDAYA SELANGOR
RM5.03 JUTA

sebanyak 8 peratus pada 2020 berbanding 2019 khususnya selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan," katanya.

Dana berkenaan juga diguna bagi menjalin kerjasama dan membantu pusat perlindungan wanita terlibat dengan kes keganasan domestik.

RM300 sebulan keluarga B40

SEBANYAK RM300 sebulan akan diberi kepada 30,000 keluarga berpendapatan rendah (B40) bermula Februari tahun depan menerusi Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (Bingkas).

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata peruntukan RM108 juta disediakan bagi meringankan beban keluarga termasuk ibu tunggal untuk membeli barang keperluan rumah, membayar yuran dan pendidikan anak.

Program bantuan selama setahun yang bakal memanfaaat 180,000 penerima ditambah baik daripada program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) dan KISS Ibu Tunggal (KISS-IT) untuk dinikmati keseluruhan keluarga.

Pada tahun ini, penerima Bingkas membabitkan 21,000 peserta sedia ada dari kedua-dua inisiatif berkenaan serta tambahan 9,000 orang.

Galeri seni moden bakal diwujud di Shah Alam

GALERI Seni Kontemporari dan Moden Shah Alam (SAMA) bakal diwujudkan di Selangor, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata galeri itu akan mempamerkan karya seni dan menjadi pusat aktiviti kebudayaan.

"Kerajaan Negeri setuju membeli sebuah kompleks bangunan milik Bank Negara di tengah bandaraya Shah Alam berharga RM33.4 juta untuk dijadikan SAMA.

"Pada tahun 2019 saya mencadangkan untuk wujudkan galeri ini dan ia bakal menjadi mercu tanda kebudayaan baharu di Selangor pada 2022," katanya.

Sementara itu, Amirudin berkata Kerajaan Negeri memperuntuk RM1.2 juta bagi mempelbagaikan aktiviti program kebudayaan sekali gus membantu promosi golongan seni yang rata-ratanya terkesan akibat Covid-19.

Menurutnya, sebelum ini Kerajaan Negeri melaksanakan program Kita Buskers Selangor dan Senandung Da'i yang memanfaatkan kepada lebih 1,000 penggiat seni jalanan dan nasyid yang terjejas pendapatan.

"Justeru, pada 2022 Kerajaan Negeri berhasrat memperluas aktiviti bawah Program Rentak Selangor yang sinonim kepada Selangor seperti menerapkan perkembangan kebudayaan tradisi lisan seperti syair, pantun, gurindam dan puisi termasuk qasidah dan berzanji," katanya.

LIGA AKAR UMBI
RM1 JUTA

Rancak aktiviti sukan daerah

SEJUMLAH RM1 juta disediakan untuk Liga Akar Umbi bagi merancakkan pembangunan sukan dalam kalangan belia di negeri ini.

Cakna perkembangan peringkat amatur di semua daerah, Selangor yakin liga berkenaan dapat menyemarakkan pembangunan peringkat akar umbi

Kerajaan Negeri juga menambah peruntukan Projek Membaikpulih dan Membina Baru Infrastruktur Sukan kepada RM4 juta untuk tahun hadapan.

Peruntukan itu bertujuan membina dan membaik pulih kemudahan yang rosak di setiap Dewan Undangan Negeri dengan had anggaran sehingga RM100,000.

PEMBANGUNAN ORANG ASLI
RM1.5 JUTA

Rumah Orang Asli dibaiki

SEJUMLAH RM1.5 juta diperuntuk bagi meningkatkan keselesaaan masyarakat Orang Asli di Selangor selain memastikan mereka lebih berdaya saing.

Dana berkenaan akan menumpu program membina, baik pulih dan naik taraf kediaman di perkampungan mereka.

Kemudahan prasarana sedia ada juga dinaik taraf sekali gus meningkatkan sosioekonomi dan mengekalkan budaya masyarakat Orang Asal.

Dana Bantuan Guaman Selangor sebanyak RM1 juta dengan kerjasama Selangor Bar Council dan Selangor Legal Aid Centre turut diperkenal.

Inisiatif itu untuk membantu golongan kurang berkemampuan yang teraniaya bagi mendapatkan bantuan.

RM1.2 juta majukan program e-Sukan

SEBANYAK RM1.2 juta diperuntuk tahun depan bagi meneruskan program e-sukan berikutan sambutan menggalakkan daripada golongan belia di Selangor.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan tumpuan khusus untuk program pembangunan dan penganjuran jelajah ke seluruh negeri.

"Selangor sentiasa menjadi peneraju perkembangan e-sukan di negara. Beberapa acara e-sukan peringkat serantau dan antarabangsa pernah dianjurkan sebelum ini," katanya.

Beliau berkata dana sama turut diberikan bagi inisiatif Roda Darul Ehsan (RiDE) yang disambut baik sejak tahun lalu, terutama yang terlibat dengan industri penghantar makanan.

E-SUKAN
RM1.2 JUTA

Amirudin menjelaskan sebanyak 8,143 permohonan diterima Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor dengan 3,227 daripadanya telah mendapat manfaat.

Sementara itu, katanya, sebanyak RM2.8 juta diperuntuk bagi program dan aktiviti Penggerak Belia Selangor (PeBS) sebagai ejen penggerak generasi muda.

"Kerajaan Negeri juga menambah baik Dasar Belia Selangor 2014 dengan membentuk Dasar Belia Selangor 2020 sebagai panduan pembangunan generasi muda bagi tempoh 10 tahun akan datang," katanya.

Keseluruhannya, sebanyak RM14.49 juta diperuntuk bagi memastikan agenda pembangunan generasi muda dan sukan diteruskan tahun depan.

RM3 juta perkenal skim pendidikan

SEJUMLAH RM3 juta diperuntuk bagi melaksana skim Iltizam Anak Selangor yang menyasarkan penyertaan 30,000 kanak-kanak di negeri ini.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata skim berkenaan melibatkan pembukaan akaun Sijil Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) Prime bagi anak yang baru lahir.

"Seramai 30,000 anak-anak yang memohon akan diberikan RM100 setahun untuk tempoh lima tahun dengan peruntukan sebanyak RM3 juta pada 2022," katanya.

ILTIZAM ANAK SELANGOR RM3 JUTA

Beliau menjelaskan program baharu itu diperkenal kerana pentingnya mengurus kewangan yang mampan di peringkat isi rumah.

Selain itu, Kerajaan Negeri memperuntuk sebanyak RM27.5 juta bagi meneruskan pelaksanaan Skim Mesra Usia Emas (SMUE) tahun depan.

Amirudin berkata Iltizam Sayang Usia Emas berjaya menghimpunkan 402,000 ahli SMUE berdaftar yang mendapat manfaat baucar beli-belah RM100 pada bulan kelahiran dan khairat kematian bernilai RM500.

14,000 pelajar Kafa-i terima subsidi yuran

SERAMAI 14,000 murid daripada keluarga kurang berkemampuan (B40) akan menerima manfaat subsidi yuran Kelas al-Quran dan Fardu Ain Integrasi (Kafa-i) berjumlah RM30 sebulan, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata pemberian sekali bayar itu julung kali dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri membabitkan peruntukan sebanyak RM5 juta.

"Menyedari akan kepentingan institusi Pendidikan Kafa di Selangor, buat julung kalinya, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM5 juta secara sekali bayar untuk meringankan beban ibu bapa dengan pemberian subsidi yuran Kafa berjumlah RM30 sebulan.

"Ini akan memberi manfaat kepada 14,000 murid B40 di 296 institusi Kafa seluruh Selangor," katanya.

Amirudin berkata, inisiatif itu juga sebagai galakan kepada masyarakat dalam menyediakan pendidikan Agama Islam bagi kanak-kanak berusia tujuh hingga 12 tahun.

Selain itu, Amirudin berkata, Kerajaan Negeri akan menyempurnakan pembinaan tiga masjid pada tahun depan iaitu Masjid Kota Damansara 2 (Seksyen 9) dalam daerah Petaling, Masjid Al-Ehsan Kampung Tok Muda (Klang) dan Masjid Kampung Sungai Serai 13 (Hulu Langat).

Menurutnya, sebanyak RM3 juta diperuntuk untuk menaik taraf dan membina sekolah pendidikan Islam baru di Selangor bagi meningkatkan keselesaan pelajar.

"Sebanyak empat sekolah baru akan dibina iaitu Sekolah Rendah Agama Kota Kemuning, Sekolah Rendah Agama Bandar Saujana Putra, Sekolah Rendah Agama Bandar Teknologi Kajang dan Sekolah Rendah Agama Bukit Sentosa Fasa 1 di Hulu Selangor.

"Manakala dua sekolah akan dinaik taraf iaitu Sekolah Rendah Agama Integrasi Seksyen 19 dan Sekolah Rendah Agama Seksyen 7 Shah Alam," katanya.

Skim pinjaman peranti pelajar

KERAJAAN Negeri memperkenal Skim Pinjaman Teknologi Asas Selangor (Sepintas) bagi pelajar tiada peranti elektronik untuk pembelajaran melalui peruntukan RM1 juta.

Menerusi kerjasama SmartSel dan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), mereka bekerjasama untuk mendapatkan peranti digital terpakai daripada swasta dan kerajaan untuk dipinjamkan kepada murid dan mahasiswa.

Selain itu, Program Tuisyen Rakyat (PTRS) juga diteruskan dengan memantapkan kandungan portal dan mengukuhkan kemahiran guru menerusi peruntukan RM7 juta.

Sekiranya program itu dilaksanakan secara bersemuka, pek bantuan makanan tengah hari akan diberikan kepada pelajar terlibat.

Terjemah kitab Imam Ghazali

KERAJAAN Negeri menyediakan peruntukan RM1 juta untuk kerja penterjemahan karga agung tamadun Islam termasuk kitab Ihya' 'Ulumuddin karya Imam Al Ghazali.

Kitab yang banyak jilid menjadi rujukan sepanjang zaman tetapi belum pernah diterjemah dengan lengkap ke bahasa Melayu yang dijangka menelan masa tiga tahun.

Sementara itu, Kursi Siddiq Fadzil ditubuhkan di Universiti Selangor (Unisel) bagi memperingati ketokohan Allahyarham Dato' Dr Siddiq Fadzil yang berpengaruh dalam bidang akademik dan kebudayaan Melayu.

Penubuhan kursi berkenaan melibatkan peruntukan RM1 juta bagi menggalakkan wacana keharmonian dan kesederhanaan.

"Tahun ini kita kehilangan Almarhum Dr Siddiq Fadzil, seorang cendekiawan Melayu Muslim yang tersohor dalam mempopularkan kerangka maqasid dan fiqh Malaysia," Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Tahan uji redah wabak

DI SAAT saya membentangkan Belanjawan Negeri Selangor di dewan yang mulia ini pada tahun lalu, seluruh dunia masih dalam keadaan kegelisahan disebabkan pandemik Covid-19 yang seakan-akan tidak mempunyai jalan akhirnya.

Pada ketika itu, kita tidak membayangkan bahawa vaksin Covid-19 dapat dihasilkan dan diberikan kepada sebahagian besar masyarakat di dunia, negara dan juga negeri Selangor sebelum akhir tahun ini.

Alhamdulillah dengan kedayatahanan dan kecekalan rakyat, kita dapat mencapai matlamat memberi vaksin kepada seramai mungkin warga negeri Selangor dalam masa yang singkat.

Namun begitu, kita tidak harus leka. Kini kita dapat lihat bahawa pandemik Covid-19 tidak mampu dilenyapkan begitu sahaja dan kita dalam proses beralih ke fasa endemik seperti yang saya tekankan di dewan ini pada bulan Ogos tahun ini.

Endemik ini bermaksud seluruh masyarakat harus melakukan perubahan kepada cara hidup kita bukan hanya untuk waktu yang singkat tetapi dalam jangka masa panjang ataupun long haul.

Pada tahun lalu dan tahun ini, rakyat di Selangor hidup hampir keseluruhannya di rumah kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Kehidupan ketika PKP ini banyak menguji dan mengajar serta mengasah kita. Semua aspek kehidupan kita diuji dan diasah. Dari segi kesabaran, ketabahan, ketahanan.

Api membakar

Walaupun ujian-ujian ini amat mencabar kedayatahanan kita, seperti api yang membakar, ia juga menerangi dan memberi pengajaran kepada kita.

Begitu juga dengan negeri Selangor. Simpang-siur pandemik banyak memberi tekanan kepada ketahanan Kerajaan Negeri dan mendesak kita mara ke hadapan dan mencari solusi kepada permasalahan yang timbul disebabkan pandemik.

Situasi pada ketika itu mengingatkan saya kepada karya seni yang terkenal iaitu Under the Wave off Kanagawa oleh artis terkenal Jepun, Katsushika Hokusai atau lebih dikenali sebagai Hokusai. Kanagawa oki nami ura yang diterbitkan pada tahun 1831 kemudiannya menjadi antara karya seni Jepun yang paling ikonik dan mengilhami pelbagai tafsiran berdasarkan siluet yang dihasilkan oleh Hokusai.

Edmond de Goncourt, seorang pengkritik seni di Perancis pernah berkata, dengan izin, "The drawing of the wave is a deification of the sea made by a painter who lived with the religious terror of the overwhelming ocean completely surrounding his country; He is impressed by the sudden fury of the ocean's leap toward the sky, by the deep blue of the inner side of the curve, by the splash of its claw-like crest as it sprays forth droplets".

Komentar lain pula menyimpulkan bahawa Hokusai ingin memberi gambaran walaupun Jepun yang seringkali terdedah kepada tsunami, kecekalan rakyat dan ekonominya sekuat Gunung Fuji yang merupakan kebanggaan rakyat Jepun.

Talian hayat

Karya Hokusai ini juga menggambarkan peralihan dari era zaman Tokugawa di Jepun serta permulaan Kebangkitan Meiji selepas Tokugawa dijatuhkan oleh puak Choshu dan Satsuma.

Kebangkitan ini berjaya memodenkan Jepun dengan beberapa perubahan dan reformasi struktural sekali gus memposisikan negara yang dilihat sebagai kecil dari segi saiznya kepada sebuah kuasa besar dunia.

Perubahan-perubahan dinamik seperti sistem kerajaan berdemokratik, sistem pendidikan yang mengangkat martabat rakyat, serta sebuah ekonomi dengan industrinya yang berkembang pesat merupakan batu-batu asas yang memberikan talian hayat kepada Jepun bangkit kembali selepas tarikh 2 September 1945 apabila Mamoru Shigemitsu, menteri luar Jepun, dan Jeneral Yoshijiro Umezu menandatangani instrument of surrender di atas USS Missouri yang berlabuh di Teluk Tokyo yang mengakhiri Perang Dunia Kedua.

Dua puluh lapan tahun kemudian, kereta pertama jenama Honda Civic dijual di Amerika Syarikat. Pada tahun 1978, Jepun menjadi ekonomi kedua terbesar di dunia dan pada tahun 1980, 30 peratus kereta di Amerika Syarikat berasal dari Jepun.

Dalam pada itu, seperti yang saya katakan sebentar tadi, Selangor dikritik apabila kita mula melancarkan beberapa inisiatif-inisiatif tambahan ketika pandemik Covid-19 baru bermula.

Saringan Covid-19

Hari demi hari, setiap tindak tanduk negeri Selangor disoal, ditekan dan dipertikai.

Kita melancarkan sistem pengesanan kontak ataupun contact tracing pertama di negara melalui SELangkah. Disusuli pula dengan usaha digitalisasi seperti e-Dapur sewaktu bazar Ramadan tahun 2020 dan 2021 serta e-Bazar Raya dengan kerjasama pihak swasta.

Kerajaan Negeri juga melancarkan lima Pakej Rangsangan Ekonomi, iaitu tiga Pakej Selangor Prihatin pada tahun 2020 dengan implikasi kewangan sebanyak RM415 juta dan dua Pakej Kita Selangor pada tahun 2021 dengan implikasi kewangan sebanyak RM627 juta selain daripada Belanjawan 2021, yang mana kesemua 5 pakej ini berjumlah melebihi RM1 bilion yang diberikan secara terus melalui pelbagai program kepada setiap lapisan masyarakat di negeri Selangor.

Kita tidak berhenti setakat di situ sahaja. Kerajaan Negeri juga tampil ke hadapan melaksanakan lebih 177,000 saringan Covid-19 dengan prinsip FTTIS (iaitu find, test, trace, isolate, support) yang disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang dilaksanakan di setiap 56 kawasan Dewan Undangan Negeri di Selangor.

Malah, ketika muncul pandangan-pandangan skeptikal yang mempersoalkan keputusan Kerajaan Negeri untuk memperoleh vaksin sendiri dan memberikannya kepada rakyat, Selangor terus istiqamah dan berjaya melaksanakan Vaksin Selangor (Selvax) yang kemudiannya menjadi inspirasi kepada beberapa usaha lain di luar Selangor.

Bukan kebal

Namun dengan kefahaman dan keterbukaan serta kerjasama Kerajaan Persekutuan terutamanya dalam soal mempercepatkan pemberian bekalan vaksin secara saksama, program-program negeri Selangor dilaksanakan secara kemas dan lancar.

Hari ini, saya bersyukur bahawa dengan semangat Kita Selangor, usaha-usaha kita termasuk dengan kerjasama Ahli-ahli Dewan Negeri disenangi dan dihargai oleh seluruh rakyat.

Kesemua usaha dan cabaran ini membuktikan bahawa walaupun terus ditekan dari pelbagai aspek, negeri Selangor tahan uji disebabkan pelbagai inisiatif dan usaha perubahan yang dimulakan sejak tahun 2008 lagi.

Waima demikian, tahan uji tidak bermaksud Selangor kebal. Sudah pasti kita mengalami kesusahan dan kecederaan akibat perang melawan penularan wabak Covid-19.

Namun, saya berani untuk nyatakan di sini bahawa kita masih utuh dan mampu bangkit kembali. Tahan uji membolehkan Selangor menterjemahkan keupayaan negeri ini untuk bertindak secara tangkas dan pantas apabila berhadapan dengan situasi yang mendesak.

Kita harus akui terdapat beberapa perubahan yang terpaksa dilakukan, beberapa tanggungjawab baharu dipikul yang membina karakter pentadbiran ini dan seluruh rakyat negeri ini. Ini merupakan asas untuk negeri Selangor bangkit kembali dan mengukuhkan sebuah pentadbiran yang mampu menghadapi pelbagai bentuk rintangan dan juga cabaran.

Petikan ucapan Belanjawan Selangor 2022 di Dewan Negeri Selangor pada 26 November 2021

Pemimpin negeri dan pegawai kanan kerajaan bergambar sebelum pembentangan Belanjawan Selangor 2022 di Dewan Negeri Selangor pada 26 November
DEPAN (dari kiri) Dato' Salim Soib @ Hamid, Mohd Zawawi Ahmad Mughni, Dato' Teng Chang Khim, Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Haris Kasim dan Rodziah Ismail
TENGAH (dari kiri) Dr Siti Mariah Mahmud, Ganabatirau Veraman, Borhan Aman Shah dan Ng Sze Han
BELAKANG (dari kiri) Ir Izham Hashim, Mohd Khairuddin Othman dan Hee Loy Sian

Pelbagai agensi berita hadir membuat liputan sidang media Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari di luar Dewan Negeri Selangor

Imbas di sini infografik

KITA SELANGOR: NEGERI TAHAN UJI, MENGANGKAT MARTABAT INSANI

PERUNTUKAN
RM2.343 BILION



RM1.22 B
PERBELANJAAN MENGURUS

- EMOLUMEN **RM446.73 JUTA**
- PERKHIDMATAN DAN BEKALAN **RM530.81 JUTA**
- ASET **RM11.79 JUTA**
- PEMBERIAN & KENAAN BAYARAN TETAP **RM191.14 JUTA**
- PERBELANJAAN LAIN **RM39.53 JUTA**

RM1.123 B
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

- INFRASTRUKTUR **RM351.78 JUTA**
- SOSIAL **RM301.57 JUTA**
- EKONOMI **RM292.28 JUTA**

TERAS 1
PERTUMBUHAN EKONOMI BERIMPAK TINGGI DAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN
RM 416.156 JUTA

- DASAR MEMUDAHCARA PERNIAGAAN *(EASE OF DOING BUSINESS)*
- PEMBANGUNAN LESTARI SUNGAI KLANG **GDV RM1 BILION**
- KETERSAMBUNGAN JARINGAN JALAN RAYA **RM138.13 JUTA**
- MENAIKTARAF JALAN SEDIA ADA **RM65.4 JUTA**
- PEMBINAAN JALAN BARU **RM44 JUTA**
- SELANGOR INTERNATIONAL BUSINESS SUMMIT 2022 **RM15 JUTA**
- INDUSTRI PELANCONGAN **RM114.6 JUTA** BAGI TEMPOH 2021-2025
- KERJA-KERJA PEMBINAAN JAMBATAN DAN JEJANTAS **RM8.23 JUTA**
- JALUR LEBAR INDUSTRI SELANGOR (JALIN) **RM6 JUTA**
- SELANGOR AVIATION SHOW 2022 **RM5 JUTA**
- PEMBANGUNAN KOMPLEKS PERUMAHAN PEKERJA SELANGOR **RM5 JUTA SEBAGAI DANA AWAL**
- MEMBINA DAN MENAIKTARAF PROJEK BANGUNAN **RM4.98 JUTA**
- PELAKSANAAN PROGRAM KERAJAAN TEMPATAN **RM4 JUTA**
- GERAN DANA USAHAWAN MIKRO SELANGOR (DUMS) **RM2 JUTA**
- INDUSTRI HALAL **RM2 JUTA**
- PEWARTAAN JALAN-JALAN NEGERI **RM2 JUTA**
- PROGRAM BANTUAN PERALATAN USAHAWAN INDIA SELANGOR (I-SEED) **RM1.146 JUTA**
- UNIT PEMBERDAYAAN PEKERJA SELANGOR (UPPS) **RM1 JUTA**
- PEMBANGUNAN PUSTAKA RAJA TUN UDA, SHAH ALAM (FASA 2B) **RM500 RIBU**
- INDUSTRI AEROANGKASA
- SELANGOR INTERNATIONAL AERO PARK
- HAB LOGISTIK SERENDAH
- GERAN PADANAN DIGITAL SIDEC
- UNIT PEMANTAUAN PELAKSANAAN DAN PRESTASI SELANGOR
- HIJRAH SELANGOR
- PEMBANGUNAN EKONOMI SABAK BERNAM
- SELANGOR DIGITAL SCHOOL (SDS)
- MAJLIS INDUSTRI REL NEGERI SELANGOR

TERAS 2
MASYARAKAT PENYAYANG DAN KESEJAHTERAAN SOSIAL
RM305.19 JUTA

- DANA BANTUAN GUAMAN SELANGOR **RM1 JUTA**
- ILTIZAM TERJEMAHAN KARYA AGUNG ISLAM **RM1 JUTA**
- BANTUAN KEHIDUPAN SEJAHTERA SELANGOR (BINGKAS) **RM108 JUTA**
- SHAH ALAM MODERN ARTS (SAMA) **RM33.4 JUTA**
- AGENDA KERAJAAN PRIHATIN **RM65.25 JUTA**
- SKIM MESRA USIA EMAS (SMUE) **RM27.5 JUTA**
- PEMBANGUNAN GENERASI MUDA DAN SUKAN **RM19.25 JUTA**
- ILTIZAM PENEROKA BANDAR **RM10.77 JUTA**
- WANITA BERDAYA SELANGOR **RM5.03 JUTA**
- PEMERKASAAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI KERAJAAN NEGERI IPT SELANGOR - **RM5 JUTA** UNISEL - **RM3 JUTA** MENYEDIAKAN DATA INTERNET
- SKIM PINJAMAN TEKNOLOGI ASAS SELANGOR (SEPINTAS) **RM1 JUTA**
- LIGA AKAR UMBI **RM1 JUTA**
- KURSI SIDDIQ FADZIL UNISEL **RM1 JUTA**
- ILTIZAM PENDIDIKAN FARDHU AIN (KAFA-i) **RM5 JUTA**
- PROGRAM PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT **RM200 RIBU SETAHUN**
- PUSAT TUISYEN RAKYAT (PTRS) **RM7 JUTA**
- PEMBINAAN DAN BAIK PULIH INFRASTRUKTUR SUKAN **RM4 JUTA**
- HADIAH PENGAJIAN INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (HPIPT) SELANGOR **RM3 JUTA**
- PEMBINAAN SEKOLAH RENDAH AGAMA **RM3 JUTA**
- ILTIZAM ANAK SELANGOR **RM3 JUTA**
- ILTIZAM MAHASISWA SELANGOR **RM3 JUTA**
- PENGGERAK BELIA SELANGOR (PeBS) **RM2.8 JUTA**
- MENYEMPURNAKAN PEMBINAAN MASJID
- PROGRAM BANTUAN BLUEPRINT PEMBASMIAN KEMISKINAN NEGERI **RM2 JUTA**
- MAJLIS PERPADUAN DAN INTEGRASI SELANGOR (MPIS) **RM400 RIBU**
- INSURANS PANGSAPURI KOS RENDAH NEGERI SELANGOR **RM1.5 JUTA**
- BANTUAN ANAK YATIM COVID-19 **RM1.25 JUTA**
- PROGRAM BUDAYA DAN SENI **RM1.2 JUTA**
- E-SUKAN **RM1.2 JUTA**
- PEMBANGUNAN ORANG ASLI **RM1.5 JUTA**
- RODA DARUL EHSAN (RIDE) **RM2 JUTA**
- ILTIZAM ANAK SELANGOR (ANIS) **RM3 JUTA**
- PROGRAM BINA BARU DAN BAIKPULIH RUMAH KERAJAAN PRIHATIN **TAMBAHAN RM1.2 JUTA**
- PUSAT KEHIDUPAN BERDIKARI (INDEPENDENT LIVING CENTER - ILC) **RM1 JUTA**
- MENANGANI KES KEGANASAN DOMESTIK **RM200 RIBU**

TERAS 3
AGENDA KESIHATAN AWAM SELANGOR
RM65 JUTA

- ILTIZAM SELANGOR SIHAT **RM46 JUTA** RM1 JUTA - ILTIZAM SELANGOR SIHAT PENJAWAT AWAM
- SKIM RAWATAN JANTUNG **RM5 JUTA**
- BANTUAN SIHAT SELANGOR **RM5 JUTA**
- PENCEGAHAN DAN KAWALAN DENGGI **RM5 JUTA**
- PROGRAM SARINGAN KESIHATAN PERCUMA (SARING SELANGOR) **RM1.5 JUTA**
- PROGRAM SUKARELAWAN KESIHATAN KOMUNITI SELANGOR (SUKA) **RM1.5 JUTA**
- UJIAN SARINGAN KANSER (CANSEL) **RM1 JUTA**
- NUTRISI MAKANAN KANAK-KANAK (ANAK SELANGOR ANAK SIHAT) **RM1 JUTA**
- CAKNA KESIHATAN MENTAL (SEHAT DAN SELANGKAH) **RM2 JUTA**
- RAWATAN TUBERCULOSIS **RM800 RIBU**
- PENGURUSAN COVID-19 **RM500 RIBU**
- SLIM SELANGOR **RM300 RIBU**
- PEMERIKSAAN KESIHATAN MATA **RM200 RIBU**

TERAS 4
PERSEKITARAN HIJAU DAN PEMBANGUNAN LESTARI
RM190.73 JUTA

- MENINGKATKAN KUALITI PERKHIDMATAN BEKALAN AIR **RM100 JUTA**
- PEMULIHAN HUTAN ROSOT **RM10 JUTA**
- STESEN PENGECAS KENDERAAN ELEKTRIK **PELABURAN RM10 JUTA**
- PEMBANGUNAN LEMBANGAN SUNGAI **RM15.6 JUTA**
- PENGURUSAN SALIRAN MESRA ALAM KOLAM TAKUNGAN BANJIR RAWANG INTEGRATED - **RM15 JUTA** KOLAM TAKUNGAN BANJIR KAMPUNG BUDIMAN - **RM20 JUTA**
- PEMBANGUNAN TEBATAN BANJIR **RM9.25 JUTA**
- PEMBANGUNAN SISTEM SALIRAN **RM9.2 JUTA**
- KEMPEN KESEDARAN PENGGUNA **RM880 RIBU**
- PEMBANGUNAN PESISIR PANTAI **RM5.2 JUTA**
- PROGRAM PENANAMAN POKOK **RM800 RIBU**
- PENINGKATAN KUALITI AIR BAGI LEMBANGAN SUNGAI UTAMA
- PUSAT KITAR SEMULA KDEB WASTE
- PEMBANGUNAN PESISIR SUNGAI - SELANGOR MARITIME GATEWAY
- PROGRAM SELANGOR AGROEHSAN
- SELANGOR SMART AGROPARK (SSAP)
- PEMBANGUNAN KEJIRANAN HIJAU **RM600 RIBU**

TERAS 5
TEKNOLOGI PINTAR DAN DIGITALISASI
RM316 JUTA

- SELANGOR ADVANCE **RM300 JUTA**
- RAKAN DIGITAL DAN PLATFORM SELANGOR (PLATS) **RM6 JUTA**
- SMART CCTV **RM5 JUTA**
- DATA RAYA SELANGOR **RM2 JUTA**
- SELANGOR STATE DATA EXCHANGE (SELGDX) **RM2 JUTA**
- UNIT KESELAMATAN SIBER SELANGOR **RM1 JUTA**
- SELANGOR E-WALLET
- APLIKASI GO SELANGOR

Kakitangan Kerajaan Negeri mendengar pembentangan belanjawan di lobi Dewan Negeri Selangor. Penjawat awam terima Bantuan Khas Kewangan sebulan gaji yang dibayar pada 29 Disember ini

Pekerja Foodpanda mengikuti pembentangan Belanjawan Selangor 2022 menerusi telefon ketika menunggu tempahan makanan di pusat beli belah Central i-City, Shah Alam

Kakitangan KDEB Waste Management (KDEBWM) berkumpul di ruang pejabat mereka di Shah Alam. Menerusi belanjawan kali ini, syarikat itu membina dua pusat kitar semula yang dijangka mampu mengurus 20 tan sampah sehari

Pemandu teksi sempat menonton pembentangan belanjawan ketika menunggu pelanggan di Kompleks PKNS Shah Alam. Untuk keselesaan pemandu, Selangor luluskan RM138.13 juta projek jalan raya pada tahun hadapan

Petugas media mengikuti pembentangan Belanjawan Selangor 2022 menerusi saluran YouTube SelangorTV untuk laporan berita di luar Dewan Negeri Selangor

Kakitangan awam Farizal Ahmad Napiah (kiri) bersama pengawal keselamatan A Rahim Tasman menonton pengumuman belanjawan di lobi Dewan Negeri Selangor

TERAS 3

MENGUKUHKAN AGENDA KESIHATAN AWAM SELANGOR

RM65 juta untuk kesihatan awam negeri

PERUNTUKAN bagi sektor kesihatan awam meningkat kepada RM65 juta pada 2022 berbanding RM56.5 juta pada tahun lalu, kata Dato' Menteri Besar.

Menurut Dato' Seri Amirudin Shari, peningkatan sebanyak RM8.5 juta itu selaras dengan agenda Kerajaan Negeri yang mengutamakan kesihatan rakyat.

"Pengurusan kesihatan awam menyeluruh, berpatutan dan efektif berasaskan teknologi digitalisasi menjadi tunjang kepada kesejahteraan rakyat dan kelangsungan ekonomi Selangor.

"Kerajaan Negeri percaya tahap kesihatan yang baik akan menyumbang kepada peningkatan taraf hidup, produktiviti individu dan ekonomi setempat," katanya.

Mengulas lanjut, Amirudin berkata jumlah peruntukan kesihatan dinaikkan sebagai persediaan mengharungi sebarang kemungkinan wujudnya gelombang pandemik Covid-19.

"Menyedari hakikat bahawa pandemik Covid-19 telah memberi kesan yang mendalam kepada Selangor, agenda pengurusan kesihatan awam sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan Negeri.

"Justeru, pada tahun 2022, Kerajaan Negeri akan meneruskan inisiatif yang telah dilaksanakan pada tahun ini, bagi memastikan aspek penjagaan nyawa dan kelangsungan hidup ini menjadi teras pembangunan negeri," katanya.

Bantuan Sihat terima dana RM5 juta

SEBANYAK RM5 juta diperuntuk bagi menjayakan program Bantuan Sihat Selangor (BSS) yang bakal memanfaatkan 4,000 penerima layak, kata Dato' Menteri Besar.

Menurut Dato' Seri Amirudin Shari, BSS juga diperluas kepada pesakit talasemia, kanser serta penyakit kronik untuk mendapat bantuan kos pengangkutan dan makanan tambahan.

"Bantuan sedia ada seperti dialisis buah pinggang, pembedahan katarak mata, pembedahan kecil mahupun bantuan alatan perubatan akan terus dikekalkan.

"Kerajaan Negeri turut mempertimbang sebarang permohonan yang memerlukan lawatan pegawai perubatan kepada pesakit atau orang kelainan upaya (OKU) yang terlantar di bawah program BSS ini," katanya.

Sementara itu, RM5 juta pula akan dibelanjakan bagi aktiviti pencegahan dan kawalan denggi bagi tujuan meneroka teknologi baharu seperti penggunaan dron untuk mengesan lokasi wabak serta membangunkan aplikasi yang boleh diakses masyarakat.

"Walaupun kes demam denggi dan kematian denggi menunjukkan pola penurunan berbanding tahun 2020, Kerajaan Negeri akan sentiasa memastikan usaha dalam membendung penularan wabak demam denggi ini tetap diteruskan," katanya.

Bagi Program Sukarelawan Kesihatan Komuniti Selangor (SUKA) yang dilancar pada Ogos lalu pula, peruntukan RM1.5 juta disalur bagi kerja mempromosi inisiatif penjagaan kesihatan Kerajaan Negeri.

Amirudin menjelaskan, SUKA adalah pasukan sukarelawan kesihatan komuniti yang digerakkan di 56 Dewan Undangan Negeri juga .

"Diharapkan dengan penubuhan SUKA ini, taraf kesihatan rakyat Selangor dapat ditingkatkan dan dapat memudahkan akses rakyat kepada semua inisiatif Kerajaan Negeri berkaitan kesihatan," katanya lagi.

RM1 juta kesan barah

PENDUDUK Selangor berpeluang menjalani saringan mammogram, serviks, kolorektal dan prostat menerusi Program Kanser Selangor (CanSEL).

Sebanyak RM1 juta diperuntuk bagi saringan hingga ke tahap pengesanan penyakit yang menjadi penyebab kematian kedua tertinggi di dunia termasuk Malaysia.

Kerajaan Negeri turut menyertai City Cancer Challenge sejak 15 Oktober 2019.

Majlis Bandaraya Petaling, Majlis Bandaraya Subang Jaya dan Majlis Bandaraya Shah Alam terpilih sebagai peserta gerakan tersebut.

Uji mental di SELangkah

BERMULA tahun hadapan, orang ramai boleh membuat pemeriksaan kesihatan mental hanya melalui aplikasi Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah), kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata perkhidmatan julung kali secara dalam talian itu akan menggabungkan modul dan fungsi Selangor Mental Sihat (SEHAT) yang dilancar pada 15 Ogos lalu dengan aplikasi SELangkah.

"Melalui fungsi SEHAT di aplikasi SELangkah, para pengguna boleh melakukan ujian saringan awal secara kendiri untuk mengetahui tahap kesihatan mental mereka.

"Sebanyak RM1 juta diperuntuk bagi tujuan meneruskan misi pengurusan kesihatan mental pada tahun 2022," kata beliau.

Insurans lindungi 90,000 penduduk

ILTIZAM Selangor Sihat yang menggantikan Skim Insurans Peduli Sihat akan melindungi 90,000 individu dengan peruntukan RM46 juta pada tahun depan.

Dato' Menteri Besar berkata RM1 juta daripadanya dikhususkan untuk penjawat awam Gred 44 dan ke bawah menerusi Iltizam Selangor Sihat Penjawat Awam.

Jelas Dato' Seri Amirudin Shari, jumlah penerima skim insurans ketika ini adalah 85,000 orang akan bertambah seramai 5,000 dan keutamaan diberi kepada pesakit kronik dan terlantar.

"Program ini akan ditambah baik daripada segi kelayakan dan syarat penerima bagi memastikan semua penerima yang layak akan mendapat manfaat ini.

"Kerajaan Negeri menerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam akan memperinci program ini dalam masa terdekat," katanya.

Sementara itu, tiga skim rawatan diteruskan Kerajaan Negeri ialah Skim Rawatan Jantung, Rawatan Tuberculosis dan Slim Selangor dengan jumlah RM6.1 juta.

Ia melibatkan RM5 juta yang akan dibiayai Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) untuk rawatan jantung, RM800,000 bagi rawatan insentif Tibi dan RM300,000 bagi mengatasi masalah obesiti.

Amirudin berkata kesemua inisiatif itu diteruskan atas faktor antaranya penyebab kematian nombor satu seperti penyakit jantung, tidak sedar bahaya ancaman penyakit dan obesiti yang menjadi masalah seluruh dunia.

RM200,000 periksa mata

SEBANYAK RM200,000 disalur untuk pemeriksaan mata pelajar yang memerlukan berikutan jumlah permohonan membuat kaca mata di pusat khidmat Dewan Undangan Negeri meningkat.

Inisiatif Pemeriksaan Kesihatan Mata itu diperkenal susulan mereka terpaksa menghadap skrin komputer atau alat peranti berikutan amalan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) akibat pandemik Covid-19.

Kerajaan Negeri mengambil perhatian serius terhadap masalah berkenaan susulan terpaksa memberi fokus di luar kebiasaan berbanding kelas fizikal.

"Terdapat dalam kalangan mereka (pelajar) yang mengalami keletihan mata yang melampau," kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beri nutrisi elak bantut

NUTRISI MAKANAN KANAK-KANAK (ANAK SELANGOR ANAK SIHAT)
RM1 JUTA

SERAMAI 700 kanak-kanak bakal mendapat bantuan nutrisi makanan selama 10 bulan menerusi Program Anak Selangor Anak Sihat (Asas).

Program itu diwujudkan susulan kajian satu daripada lima kanak-kanak bawah lima tahun di Malaysia bantut akibat pemakanan tidak seimbang.

"Anak-anak merupakan pelapis generasi masa hadapan, justeru Kerajaan Negeri sentiasa memastikan kesejahteraan dan kebajikan golongan ini termasuk aspek pengambilan nutrisi yang mencukupi.

"Kerajaan Negeri akan meneruskan program bantuan nutrisi makanan kanak-kanak yang dinamakan sebagai Asas pada 2022 dengan peruntukan berjumlah RM1 juta," kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

5,000 dapat pemeriksaan percuma

MULAI tahun hadapan, 5,000 individu dijangka mendapat manfaat pemeriksaan kesihatan secara percuma.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata dengan peruntukan RM1.5 juta, Program Saringan Kesihatan Percuma (Saring Selangor) akan dijalankan di semua peringkat komuniti.

"Melihat kepada risiko jangkitan penyakit Covid-19 tinggi dalam kalangan mereka yang mempunyai sejarah penyakit atau komorbid, Kerajaan Negeri menyedari bahawa adalah penting bagi rakyat menjalani saringan kesihatan secara berkala.

"Hal ini bagi memastikan sebarang penyakit dapat dikesan di peringkat awal, sekali gus rawatan awal dapat dilaksanakan," katanya.

Bimbang wabak Covid-19 kembali menular, Kerajaan Negeri turut memperuntuk RM500,000 sebagai persediaan awal menghadapi ancaman berkenaan.

Kata Amirudin, susulan itu pihaknya akan menambah dan mempelbagaikan program kesedaran berkaitan pematuhan tatacara operasi piawai (SOP) dan menambah baik sistem sokongan kepada pesakit yang dijangkiti.

"Kerajaan Negeri sentiasa memberi fokus kepada pengurusan Covid-19 di Selangor dalam memastikan aktiviti ekonomi dan sosial dapat berjalan seperti sedia kala.

"Dalam masa yang sama, kita perlu menerima hakikat bahawa virus ini akan hidup bersama dengan kita dan negara sudah memasuki fasa endemik," katanya.

Kukuh ekonomi, lindungi rakyat

Perdebatan hangat sedang berlaku di antara pemikir-pemikir dan tokoh-tokoh dunia tentang kaedah dan cara untuk membina semula ekonomi dunia dan negara masing-masing ekoran krisis yang terhasil akibat pandemik.

Untuk memastikan kita tidak mengulangi kesilapan sejarah, wajar kita meneliti kata-kata Winston Churchill yang berbunyi, "study history, study history. The longer you can look back, the farther you can look forward. In history lies all the secrets of statecraft".

Dan aspek tahan uji yang saya rujuk tadi (lihat **muka surat 10**) amat penting untuk mengelakkan daripada societal collapse yang diajukan dan dikaji oleh Joseph Tainter dalam judulnya 'The Collapse of Complex Societies.'

Kajian Tainter mendapati bahawa keruntuhan masyarakat disebabkan oleh kegagalan ekonomi dan elemen-elemen pencerobohan luar, kesihatan awam, ataupun bencana alam hanyalah tanda dan bukti bahawa sesuatu masyarakat itu akan runtuh.

Sejarah menunjukkan bahawa kuasa-kuasa dunia akan mengalami pasang dan surut dan agak sukar untuk mana-mana kuasa besar kekal mendominasi ekonomi dunia mahupun geopolitik.

Jika abad ke-19 dilihat sebagai The British Imperial Century (Abad Penjajahan Britain) dan abad ke-20 sebagai zaman yang diterajui Amerika Syarikat terutamanya selepas Perang Dunia Kedua, kini abad ke-21 dikatakan sebagai The Asian Century (Kurun Asia).

Negeri terunggul

Negara China sebagai ekonomi terbesar dunia dilihat sebagai satu keniscayaan.

Ditambah pula dengan negara India yang dijangka akan menjadi negara yang berpopulasi paling tinggi di dunia, saya percaya bahawa fenomena 'The Asian Century' itu bukan lagi hanya kata-kata.

Amatlah wajar untuk negeri Selangor sebagai gerbang ekonomi negara merebut peluang dan diposisikan sebagai antara negeri terunggul di rantau Asia Tenggara ataupun Asia.

Pada bulan lalu, satu laporan yang dikeluarkan oleh kumpulan tujuh negara kuasa ekonomi G7 Panel on Economic Resilience menggariskan syarat-syarat dan kaedah yang harus menjadi kepentingan bagi negara-negara maju dan negara-negara membangun.

Panel tersebut yang dianggotai pakar-pakar ekonomi terkemuka, antaranya Mariana Mazzucato, penasihat ekonomi kepada perdana menteri Itali, dan Nobukatsu Kanehara, bekas anggota kabinet di bawah pentadbiran Shinzo Abe, perdana menteri Jepun, menggesa bahawa penggubal-penggubal dasar harus meninggalkan preskripsi dan pemikiran Washington Consensus yang menekankan dengan izin, 'deregulation' kepada Cornwall Consensus.

Dan Cornwall Consensus yang dipersetujui negara-negara kuasa ekonomi G7 pada tahun ini sependapat bahawa setiap kerajaan harus memainkan peranan penting dalam menyediakan kerangka ekonomi, iaitu daripada 'market fixers to market shapers' (penetap pasaran kepada penyusun pasar).

Tujuh aspek penting menjadi tunjang ke arah membina ekonomi masa hadapan yang cekal, iaitu:

- kesihatan awam
- alam sekitar
- tadbir urus pendigitalan dan keselamatan siber
- sistem perdagangan antarabangsa yang saksama
- peningkatan pelaburan
- hak pekerja
- kepentingan jaringan rangkaian bekalan

Jangka panjang

Isabelle Durant, timbalan setiausaha agung Persidangan Perdagangan dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNCTAD) juga berkata, dengan izin, "a successful post-pandemic world must be marked by greater resilience".

Tinjauan ekonomi Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) pada bulan Oktober 2021 menunjukkan bahawa ekonomi dunia tidak mampu pulih kepada situasi pra-pandemik jika tidak mempunyai suntikan dana kerajaan. Dan sebagai persediaan bagi ekonomi pasca-Covid, peluang pekerjaan baharu harus diwujudkan, selain memberi fokus kepada teknologi hijau, digitalisasi, mengurangkan kesenjangan pendapatan ataupun 'inequa-lity' serta perbelanjaan kerajaan yang berhemah.

Setiap aspek ini mendesak sesebuah kerajaan untuk bertindak bukan untuk hari ini atau esok sahaja tetapi untuk jangka masa hadapan dengan perancangan yang rapi berlandaskan data serta fakta yang tepat.

Jika kita menggunakan pendekatan jangka pendek, kita akan mendedahkan masa hadapan keluarga dan anak-anak kita kepada risiko lemah daya tahan ekonomi.

Dan kita sedang melihat tanda-tanda itu pada hari ini. Misalnya, kita melihat kerentanan kewa-ngan 48% daripada keseluruhan pencarum Kumpulan Wang Simpa-nan Pekerja (KWSP) di bawah umur 55 tahun, tidak mempunyai wang yang cukup untuk menampung keperluan asas mereka selepas bersara. Seramai 3.6 juta pencarum pula mempunyai kurang daripada RM1,000 di dalam akaun KWSP masing-masing.

Melatari kesemua aspek tersebut, Kerajaan Negeri Selangor menekankan aspek kecekalan rakyat di dalam belanjawan tahun lalu.

Kecekalan yang dipupuk dan difokuskan bermula di peringkat isi rumah dan kemudiannya kepada industri kecil dan sederhana. Ini kerana keluarga dan industri kecil dan sederhana merupakan nadi kepada enjin ekonomi negeri Selangor.

Dengan ketersediaan yang lebih awal, kini kita memasuki era kebertanggungjawaban baharu untuk mengukuhkan lagi Selangor sebagai negeri tahan uji yang memelihara serta melindungi rakyat serta kelangsungan ekonomi jika berhadapan dengan cabaran atau ancaman masa hadapan.

Gangguan rantaian

Ditambah pula dengan wujudnya lagi kes-kes Covid-19, maka kebertanggungjawaban baharu untuk terus menjaga kesihatan diri dan keluarga ini harus dipikul bersama-sama, dari peringkat individu, keluarga, syarikat sehinggalah ke pimpinan kerajaan.

Ketersediaan Selangor untuk terus melakukan perubahan tidak pernah luntur, terutamanya di dalam bab melaksanakan pelan pembangunan ekonomi yang inklusif di samping memastikan tiada sesiapa tertinggal.

Sehingga 22 November 2021, RM329 juta daripada RM627.4 juta yang disediakan di bawah Pakej Kita Selangor 1.0 dan 2.0 telah dibelanjakan yang memberi manfaat kepada 1.7 juta penerima, manakala beberapa inisiatif sedang dalam pelaksanaan.

Pertumbuhan ekonomi dunia pada tahun 2021 dianggarkan pada 5.9 peratus. Manakala menurut laporan World Economic Outlook pada bulan Oktober lalu oleh IMF, pertumbuhan ekonomi dunia bagi tahun 2022 dianggarkan pada 4.9 peratus.

Penyusutan sebanyak 0.1 mata peratusan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh gangguan terhadap rantaian bekalan global dan juga dinamik pandemik yang mungkin menjadi buruk kembali.

Walaupun prospek pemulihan ekonomi negara-negara maju dijangka lebih positif dengan kemampuan vaksinasi yang meluas dan juga penggunaan instrumen fiskal dan kewangan yang efektif namun terdapat kebimbangan terhadap peningkatan inflasi yang disebabkan oleh ketidakseimbangan penawaran-permintaan dan juga harga komoditi yang tinggi.

Isu peningkatan harga barang dan inflasi, kemunculan varian baru Covid-19 yang agresif, vaksinasi global yang perlahan dan gangguan rantaian bekalan akan menjadi tema yang melatari wacana ekonomi dunia pada tahun hadapan.

Gaji berkurang

Tahun 2021 adalah tahun asas Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025 dan juga Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Kemunculan pandemik ini telah merencatkan aspirasi Malaysia untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat dan juga matlamat pembangunan yang dirancang sebelum ini.

Pandemik ini juga turut memberi kesan kepada kesejahteraan kehidupan sebahagian besar rakyat Malaysia. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, pendapatan per kapita pada 2020 berkurang sebanyak 6.5 peratus

BERSAMBUNG MUKA 20

TERAS 4

MEWUJUDKAN PERSEKITARAN HIJAU DAN PEMBANGUNAN LESTARI

RM100 juta ganti 6,000km paip

SEBANYAK RM100 juta diperuntuk bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan bekalan air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata jumlah itu adalah bagi kerja penggantian paip utama sepanjang 6,000 kilometer (km).

"Sehingga kini, Air Selangor berjaya menurunkan kadar NRW (air tidak berhasil) daripada 33.2 peratus pada 2017 kepada 28.6 peratus tahun ini.

"Sasaran Air Selangor seterusnya adalah menurunkan NRW kepada 25 peratus pada 2025. Bagi merealisasikan sasaran ini, kerja penggantian paip utama dianggarkan melibatkan sepanjang 6,000km di seluruh Selangor termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya," katanya.

Sementara itu, katanya, Air Selangor juga akan membangunkan Loji Rawatan Air (LRA) Labohan Dagang Fasa 2 dan LRA Sungai Rasau bagi meningkatkan margin bekalan air kepada sekurang-kurangnya sebanyak 15 peratus menjelang 2030.

Hab sekuriti makanan

PROJEK hab bekalan makanan berteknologi tinggi Selangor Smart Agro Park (SSAP) di Changkat Menteri, Sabak Bernam akan memulakan fasa pembangunannya pada suku pertama tahun hadapan.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata fasa itu selaras pelaksanaan Program Keselamatan Bekalan Makanan yang diumumkan ketika pakej rangsangan ekonomi Selangor Prihatin fasa tiga.

"Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor akan turut membangunkan SSAP di Kuala Langat Selatan berkonsep perhutanan agro bagi menyumbang kepada rantaian bekalan negeri dalam memastikan sekuriti makanan negeri sentiasa berada pada tahap optimum," katanya.

Agro Ehsan bantu petani

PERBADANAN Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) akan memperkenal program Agro Ehsan bagi membantu petani, penternak, nelayan dan pengusaha industri asas tani yang terkesan akibat pandemik Covid-19.

Berkonsep ekonomi gig (sampingan), peserta berpotensi menjana pendapatan antara RM3,000 hingga RM10,000 sebulan.

Program itu mengetengahkan penawaran produk pertanian dan penternakan PKPS seperti ayam dan ikan segar, sayur serta buah-buahan pada harga borong untuk dipasarkan peserta pada harga pasaran.

RM10 juta untuk prasarana EV

KERAJAAN Selangor menyasarkan pemasangan 10,000 pengecas kenderaan elektronik (EV) menjelang 2025 dengan 1,000 pengecas pertama akan diwujudkan pada tahun hadapan.

Usaha berkenaan melibatkan nilai pelaburan sebanyak RM10 juta sekaligus menjadikan Selangor sebagai negeri peneraju dalam penggunaan EV.

Dato' Menteri Besar berkata kerajaan negeri bercadang menyediakan insentif kepada perniagaan dan industri yang melabur dalam infrastruktur EV termasuk pengurangan fi lesen dan cukai taksiran.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata, pengguna EV juga akan diberi keistimewaan letak kereta percuma di bawah pentadbiran pihak berkuasa tempatan pada 2022.

"Kerajaan juga sedang meneliti kebolehlaksanaan penggantian kenderaan milik agensi Kerajaan Negeri serta anak syarikat berkaitan kerajaan (GLC) daripada kenderaan diesel atau petrol kepada EV secara berperingkat," katanya.

RM35 juta bina dua kolam takungan banjir

JABATAN Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor memperuntuk RM35 juta bagi melaksanakan dua projek kolam takungan banjir di Sungai Gong, Gombak dan Kampung Budiman, Meru.

Dato' Menteri Besar berkata sebanyak RM15 juta diperuntuk bagi projek Kolam Takungan Banjir Rawang Integrated dan RM20 juta pula bagi Kolam Takungan Banjir Kampung Budiman.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata JPS juga menyediakan Pelan Induk Saliran Mesra Alam (Pisma) melibatkan kawasan Sungai Besar di Sabak Bernam dengan peruntukan sebanyak RM1.5 juta.

"Kerajaan Negeri melalui JPS Selangor akan menyediakan Pisma dengan peruntukan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dan peruntukan pada tahun 2022 yang dipohon adalah sebanyak RM1.5 juta," katanya.

Kutip 75,402 tan sampah

SEKURANG-kurangnya 75,402 tan metrik sampah berjaya dikutip sejak 2016 hingga September lalu menerusi alat perangkap sampah (log boom) serta pembersihan sisa terapung menggunakan jentera berat dan mesin Interceptor 002 di Sungai Klang.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata usaha itu sekali gus berjaya membantu Majlis Perbandaran Klang (MPK), Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengutip sampah di sepanjang jajaran sungai terbabit.

"Pembinaan 'log boom' serta pembersihan sisa terapung melalui penggunaan jengkaut dan mesin Interceptor 002 telah berjaya membantu MPK, MBSA, MBSA, MBSJ dan MBPJ mengutip secara purata 75,402 tan metrik sampah sejak 2016 hingga September 2021 di jajaran Sungai Klang.

"Bagi mengukur tahap keberkesanan tersebut, pemasangan alat sensor di empat lokasi berperanan bagi memantau tahap kualiti air Sungai Klang.

Menurut Amirudin pelbagai usaha dilakukan pada jaringan sungai pada jarak 15 kilometer (km) bagi menggalakkan industri pelancongan di pesisir Sungai Klang.

Antaranya, kata beliau perkhidmatan teksi air yang merupakan usaha Landasan Lumayan Sdn Bhd bersama pihak Tourism Selangor.

"Selain daripada itu, usaha pemuliharaan Sungai Klang digiatkan lagi ke atas bekas tapak pelupusan Telok Kapas yang merupakan salah satu penyumbang pencemaran di Sungai Klang.

"Menerusi usaha pemuliharaan semula tapak pelupusan Telok Kapas dan air Sungai Klang, Kerajaan Negeri percaya Sungai Klang berpotensi untuk dijadikan sebagai sumber alternatif air mentah untuk kegunaan rakyat," katanya.

RM9 juta atasi bah

KERAJAAN Selangor memperuntuk RM9.25 juta untuk projek tebatan banjir di lembangan Sungai Langat, Sungai Klang dan Sungai Selangor bagi mengatasi masalah banjir tahun depan.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata projek itu perlu disegerakan terutamanya di lembangan Sungai Langat bagi mengurangkan kesan terhadap rakyat.

"Projek ini akan dilaksanakan secara sinergi dengan projek yang melibatkan peruntukan kerajaan persekutuan bagi mendapatkan keberkesanan yang lebih holistik dalam menangani isu banjir di Selangor," katanya.

Amirudin menambah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memperuntuk sebanyak RM9.2 juta bagi menambah baik sistem saliran yang dikenal pasti bagi membangunkan sistem saliran bersepadu dan komprehensif.

Naik taraf benteng

JABATAN Pengairan dan Saliran (JPS) memohon RM5.2 juta bagi menaik taraf benteng pantai yang terjejas pada tahun hadapan ekoran fenomena air pasang besar.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata kawasan terjejas antaranya benteng di Sabak Bernam dan Kuala Selangor.

"Fenomena air pasang besar yang pernah berlaku sebelum ini telah menjejaskan benteng di kawasan pesisiran pantai terutama di kawasan Sabak Bernam dan juga Kuala Selangor.

"JPS telah memohon sebanyak RM5.2 juta pada tahun 2022 bertujuan menaiktaraf benteng pantai di kawasan terjejas," katanya.

Tingkat kualiti air

RAKYAT bakal menikmati air Sungai Selangor, Sungai Langat dan Sungai Klang yang lebih bersih menerusi Projek Peningkatan Kualiti Air.

Pelaksanaan projek itu akan tertumpu kepada lembangan sungai utama sekali gus mengurangkan pencemaran dan mengelakkan gangguan bekalan air.

Projek bermatlamat membangunkan kaedah kawalan pencemaran secara fizikal di lembangan berkenaan dengan mengenakan kos pencemaran kepada pencemar.

Ia dijangka mengurangkan masalah pencemaran sungai terutama di muka sauk dan gangguan bekalan air.

Kerajaan Negeri juga akan menguatkuasakan caj pemulangan air bagi mencapai polisi pelepasan sifar bagi mengurangkan pelepasan beban pencemaran daripada premis berlesen.

Teknologi mesra hijau

SEJUMLAH RM600,000 diperuntuk bagi pemasangan produk teknologi dan pembangunan kejiranan hijau negeri ini, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan negeri juga berhasrat menubuhkan Majlis Hijau Selangor bagi menyokong inisiatif tersebut.

"Pembangunan berciri teknologi hijau dan mesra alam harus diutamakan ke arah penjimatan tenaga selain memberi keselesaan dan persekitaran yang sihat kepada penghuninya," katanya.

Kerajaan Negeri juga memperuntuk RM800,000 untuk semua Dewan Undangan Negeri menjayakan Kempen Penanaman 100 juta pokok dalam tempoh lima tahun.

Selain itu, Amirudin berkata usaha memulih kawasan hutan rosot terutama di Kuala Langat akibat kebakaran dan pencerobohan dipergiat dengan penanaman semula pokok di tanah seluas 500 hektar.

RM880,000 jayakan kempen bebas plastik

KERAJAAN Selangor memperuntukkan RM880,000 bagi kempen bebas plastik, polisterina, kutipan minyak masak terpakai dan bebas straw plastik pada tahun hadapan.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata usaha menjaga alam sekitar itu dipergiatkan bagi memberi kesedaran kepada pengguna.

"Kerajaan Negeri sentiasa menjadi perintis dalam pelbagai kempen kesedaran termasuk kempen bebas plastik dan polisterina, kutipan minyak masak terpakai dan kempen bebas straw plastik.

"Bagi menggiatkan lagi kempen ini, sejumlah RM880,000 diperuntukkan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Dato' Menteri Besar memberitahu, Kerajaan Negeri berhasrat untuk memperluaskan pusat kitar semula (MRF) ke setiap daerah di Selangor.

Ujarnya, pada masa ini, KDEB Waste Management membina dua MRF di Jalan Korporat, Meru dan Bukit Puchong, Subang Jaya yang menguruskan 20 tan barang kitar semula sehari.

"Dua MRF ini mampu menguruskan kira-kira 20 tan barang kitar semula sehari dan akan diperluaskan ke setiap daerah di negeri Selangor untuk mengurangkan impak negatif terhadap alam sekitar," ujarnya.

DARI MUKA 17

kepada RM43,475 berbanding RM46,450 pada 2019.

Pada masa sama, purata gaji dan upah berkurang sebanyak 9 peratus daripada RM3,224 pada 2019 kepada RM2,933 pada 2020. Situasi ini menyebabkan 20 peratus kumpulan isi rumah berpendapatan pertengahan (M40) yang mempunyai pendapatan antara RM4,850 ke RM10,959 menurun ke kategori pendapatan rendah (B40), iaitu pendapatan isi rumah RM4,850 ke bawah.

Menurut Bank Negara Malaysia, kadar inflasi negara dijangka berada pada sekitar 2.0 sehingga 3.0 peratus.

Ekonomi negara mula pulih dengan pembukaan semula sektor-sektor ekonomi terutamanya bagi industri pelancongan tempatan, pemulihan permintaan domestik serta penyambungan semula aktiviti pembinaan projek-projek infrastruktur besar.

Bank Negara Malaysia menyasarkan perkembangan ekonomi negara pada sekitar 3.0 sehingga 4.0 peratus menjelang akhir 2021.

Dalam usaha untuk menuju ke arah Negeri Pintar 2025, Kerajaan Negeri telah menggembleng tenaga dengan memantapkan penyampaian perkhidmatan awam, meningkatkan mutu pemantauan kesihatan dan keselamatan awam serta menaik taraf infrastruktur digital negeri.

Selangor kekal menerajui ekonomi Malaysia dengan sumbangan 24.3 peratus meskipun Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri ini mencatatkan penurunan nilai ditambah kepada RM326.8 bilion pada 2020. Dari sudut pertumbuhan, meskipun KDNK negeri ini menyusut kepada -5.3 peratus (2019: 6.8 peratus), pertumbuhan tersebut mengatasi prestasi di peringkat nasional (-5.6 peratus).

Petikan ucapan Belanjawan Selangor 2022 di Dewan Negeri Selangor pada 26 November 2021

TERAS 5

Rancangan Selangor-1 percepat pemulihan

BUAT julung kali, Selangor akan memiliki pelan lima tahun ke hadapan melalui Rancangan Selangor Satu (RS-1) yang dilancarkan suku pertama 2022.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata rancangan 2022 hingga 2026 menumpukan usaha mempercepat proses pemulihan ekonomi pasca pandemik dan memacu agenda pembangunan negeri.

Katanya pelan itu berperanan sebagai dokumen strategik yang menyelaras agenda pembangunan semua peringkat meliputi pejabat tanah dan daerah, pihak berkuasa tempatan serta persekutuan.

"Pelan pembangunan lima tahun Selangor bermula sejak awal tahun ini melibatkan proses konsultasi dan libat urus pihak berkepentingan di peringkat negeri, persekutuan dan swasta," katanya.

Amirudin berkata peringkat awal fasa pemulihan Covid-19 mendorong pihaknya mengenal pasti strategi memperkukuh sektor ekonomi dan taraf hidup rakyat demi masa depan yang lebih cerah.

"Langkah dan strategi yang kita laksanakan bukan sahaja kritikal untuk Selangor dan rakyatnya, tapi turut memberi impak kepada masa depan negara," katanya.

RM316 juta jaya visi negeri pintar

PERUNTUKAN RM316 juta disediakan tahun depan bagi merealisasikan visi Selangor sebagai Negeri Pintar menjelang 2025.

Dato' Menteri Besar berkata, agenda Smart Selangor dan pelan pendigitalan menjadikan negeri ini cekap dan pantas ketika berhadapan cabaran pandemik Covid-19.

Dato' Seri Amirudin Shari memaklumkan Selangor menjadi negeri paling hadapan melancarkan inisiatif berasaskan digital antaranya Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah), PLATS dan e-Bazar.

"Inisiatif e-Bazar misalnya berjaya membantu 211,928 usahawan e-dagang mencapai jualan sebanyak RM100.5 juta serta menjana RM1.57 bilion kesan riak terhadap ekonomi negeri," katanya.

Beliau berkata Pelan Tindakan Smart Selangor juga digariskan bagi mencapai sasaran negeri pintar pada 2025.

Katanya, berdasarkan laporan Smart Selangor Delivery Unit (SSDU), sebanyak 60 peratus daripada inisiatif direncana berjaya dibangunkan.

"Kita boleh berbangga sebuah pusat kawalan bersepadu atau Smart Selangor C5i Centre telah siap dan sedang beroperasi sepenuhnya di Dewan Jubli Perak.

"Pusat kawalan ini juga menjadi nadi menghubungkan data daripada Unit Pengurusan Bencana, polis, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Alam Sekitar, pihak berkuasa tempatan serta agensi lain," katanya.

MENGOPTIMUMKAN TEKNOLOGI PINTAR DAN DIGITALISASI

RM6 juta untuk digital

SELANGOR menyediakan peruntukan tambahan bernilai RM6 juta bagi meneruskan inisiatif Rakan Digital Selangor dan Platform Selangor (PLATS).

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata dana tersebut hasil sumbangan sepenuhnya Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB).

Menurutnya, kedua-dua inisiatif berkenaan dipergiat bagi membantu pengusaha perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta mikro bagi mengadaptasi pendigitalan dalam perniagaan.

"PLATS merupakan direktori utama kepada peniaga kecil Selangor atau platform promosi percuma disediakan Kerajaan Negeri khususnya buat peniaga kecil menjamin kelangsungan perniagaan di era digital," katanya.

Bantu aliran tunai PKS

PROGRAM Selangor Advance diteruskan tahun depan bagi membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) memulihkan aliran tunai dengan pinjaman dana RM300 juta.

Inisiatif itu bakal menyelamatkan 150,000 peluang pekerjaan dan 5,000 PKS daripada ditutup atau pemberhentian operasi, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan usaha bagi menjamin kelestarian ekonomi termasuk peruntukan daripada Kerajaan Negeri, anak syarikat dan pihak berkuasa tempatan.

Dana ADN pembangkang naik hingga RM400,000

PERUNTUKAN Ahli Dewan Negeri (ADN) pembangkang naik hampir tiga kali ganda tahun depan sehingga RM400,000 berbanding RM150,000 ketika ini, kata Dato' Menteri Besar.

Jumlah itu menjadikan dana mereka sebanyak RM800,000, tambahan RM400,000 diterima daripada Putrajaya melalui Unit Penyelarasan Persekutuan, jelas Dato' Seri Amirudin Shari.

"Kita memerlukan kerjasama utuh daripada setiap dan semua wakil-wakil Ahli Dewan Negeri supaya keutamaan rakyat diutamakan, bukan dipolitikkan.

"Bagi tahun hadapan, saya ingin memaklumkan dewan yang mulia ini bahawa kawasan kerajaan dan pembangkang akan diberi peruntukan yang saksama," katanya.

Amirudin berkata dana wakil rakyat bebas yang menyokong negeri pula naik sehingga RM500,000 yang akan diselaras oleh penyelaras lantikan kerajaan.

Beliau turut memaklumkan dana tambahan RM50,000 kepada ahli parlimen pembangkang bagi pengurusan pejabat selain peruntukan daripada kerajaan persekutuan.

"Perubahan dasar ini diharap dimanfaatkan sepenuhnya bagi kebaikan rakyat serta memastikan setiap sen dibelanjakan dengan berhemah dan penuh integriti.

"Keputusan ini selari konsep Iltizam Selangor Penyayang di mana rakyat keutamaan tidak mengira pandangan politik dan sesuai peranan Selangor sebagai negeri contoh di Malaysia," katanya.

MB pesan elak tabiat buruk trio Firaun

DATO' Menteri Besar mengingatkan seluruh Ahli Dewan Negeri termasuk dirinya supaya tidak tergoda dengan ketamakan, kezaliman dan ketakburan sepanjang menjalankan tanggungjawab kepada rakyat.

Memetik ayat 39 surah Al-Ankabut, Dato' Seri Amirudin Shari berkata kisah pemerintahan trio Firaun, Haman dan Qarun harus dijadikan iktibar.

Ayat berkenaan menceritakan sikap Firaun yang berasa dirinya menguasai kehidupan serta takdir manusia, manakala Qarun pula menggunakan kekayaannya untuk menyokong kezaliman dan Haman pula sebagai penasihat Firaun.

Ketiga-tiga mereka yang dicela Allah hanya menumpukkan kekayaan dalam kalangan sendiri dan menggunakan kekerasan agar rakyat terus tunduk menjadi hamba.

"Saya memanjatkan doa ke hadrat Ilahi semoga saya tidak tergolong sebagai Firaun zaman moden ini," katanya ketika membentang Belanjawan Selangor 2022 di Dewan Negeri Selangor pada 26 November.

"Manakala kita dipinjamkan sedikit kekuasaan oleh Tuhan, adalah bijak dan berhikmah untuk Kerajaan Negeri sentiasa berlapang dada mendengar nasihat yang baik, bukan nasihat buruk seumpama hasutan Qarun serta Haman itu, dan tawaduk merendah diri mendengar rintihan rakyat."

Sebelum mengakhiri pembentangan, Amirudin turut menitipkan tiga rangkap pantun yang menekankan agenda bangkit selepas mengharungi pandemik dan bahaya pengkhianatan politik.

Satu daripadanya berbunyi:

Dendam Jebat terbakar negeri,
Bijak memanda bawa tenteram;
Racun khianat memakan diri,
Pemimpin hikmah mengelak karam.

RM2 juta laksana Data Raya Selangor

KERAJAAN Negeri menyediakan peruntukan bernilai RM2 juta bagi membangunkan Data Raya Selangor, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata inisiatif itu bertujuan meningkatkan penyampaian perkhidmatan, penjanaan dan perkongsian data raya secara masa nyata.

"Ini menjadi antara asas sebuah negeri pintar selaras merealisasikan aspirasi Selangor sebagai negeri pintar unggul di rantau Asia Tenggara menjelang 2025.

"Usaha ini akan membolehkan kerajaan menggubal dasar lebih tepat dengan cara yang lebih efisien dan tersusun," katanya.

Beliau turut memaklumkan dana berjumlah RM1 juta disediakan bagi penubuhan Unit Keselamatan Siber Selangor supaya keselamatan data terjamin.

Katanya, inisiatif dengan kerjasama pakar keselamatan teknologi akan menilai tahap keselamatan dan penetapan beberapa garis panduan data harus dipatuhi agensi bawah program Smart Selangor.

Bagi menjamin keselamatan awam, Amirudin berkata sebanyak 200 unit kamera litar tertutup (CCTV) pintar ditambah melalui inisiatif Smart Selangor dengan peruntukan RM5 juta.

Menurutnya, sebanyak 414 unit CCTV sedia ada dan sedang beroperasi menerusi inisiatif berkenaan setakat ini di Pusat Operasi Smart Selangor (SSOC) ibu pejabat Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK).

"Kerajaan Negeri menganggarkan 2,000 unit CCTV akan dipasang dan beroperasi secara penuh menjelang 2025 selaras matlamat Selangor sebagai negeri pintar unggul serantau," katanya.

Kerajaan Negeri lancar e-dompet

SELANGOR akan melancarkan perkhidmatan e-dompet awal tahun depan bagi mewujudkan komuniti nirtunai (tanpa tunai).

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata Selangor e-Wallet Sdn Bhd ditubuhkan untuk menjalankan usahasama dengan syarikat e-dompet sedia ada.

"(Ia) lengkap dengan lesen pinjaman wang dikeluarkan bank negara dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta saiz e-dompet sebanyak RM10,000," katanya.

Beliau berkata Super App e-dompet akan mengumpulkan semua perkhidmatan urusan Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan, badan berkanun dan anak syarikat yang dikawal selia Citizen e-Payment (Cepat) milik Smart Selangor Delivery Unit (SSDU).

Katanya, ia turut merangkumi perkhidmatan kebajikan disalurkan kepada rakyat dan mewujudkan pasaran dalam talian untuk pendigitalan perniagaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta mikro.

"Ini akan membolehkan penerima program Iltizam Selangor Penyayang seperti Bingkas, Iltizam Selangor Sihat, Skim Mesra Usia Emas terdiri daripada pelbagai agensi dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) berbeza seperti Yayasan Warisan Anak Selangor (Yawas) dan Selgate Corporation disalurkan melalui aplikasi tersebut.

SELANGOR E-WALLET

"Aktiviti seperti pembayaran cukai dan hasil kerajaan tempatan serta pembayaran tanpa tunai parkir boleh dilaksana melalui platform tersebut yang memudahkan urusan serta menjimatkan masa golongan memerlukan," katanya.

Go Selangor diperkenal

KERAJAAN Negeri membangunkan aplikasi rasmi pelancongan Go Selangor yang dijangka tersedia kepada orang ramai awal Februari tahun depan.

Dato' Menteri Besar berkata aplikasi itu dibangunkan Tourism Selangor dengan kerjasama syarikat pemula tempatan Tourplus selain disokong Perbadanan Teknologi Maklumat dan Ekonomi Digital Selangor (Sidec).

"Tourism Selangor dengan kempen 'Nak Bercuti? Pusing Selangor Dulu!' akan memberi tumpuan kepada pendigitalan pelancongan bagi membantu operator pelancongan Selangor.

"Pelancong boleh menggunakan aplikasi itu untuk tempahan hotel, pemindahan lapangan terbang, tiket tarikan, baucar spa dan makanan, lawatan sehari serta menyesuaikan lawatan peribadi," kata Dato' Amirudin Shari.

Beliau berkata semua perniagaan layak menyertai aplikasi berkenaan secara percuma.

SELGDX bantu agensi

SEJUMLAH RM2 juta diperuntukkan bagi pembangunan platform Perkongsian Data Negeri Selangor (SELGDX) tahun depan, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata pembangunan platform perkongsian data antara agensi Kerajaan Negeri dan sektor awam mengambil masa tiga tahun bermula 2021 hingga 2023.

Beliau menjelaskan SELGDX mampu mengurangkan pertindihan pembangunan dan kos penyelenggaraan infrastruktur selain memperkukuh peranan agensi.

"SELGDX menawarkan perkhidmatan broker data terdiri daripada himpunan piawaian, alat, repositori dan pendaftaran yang membolehkan perkongsian data merentas agensi dalam Selangor," katanya.

Platform SELGDX merujuk kepada prinsip asas dan kerangka operasi pusat perkongsian data sektor awam (MyGDX) dibangunkan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (Mampu) pada Mei 2018.

selangorkini EDISI KHAS

BELANJAWAN SELANGOR 2022

Petikan teks ucapan Kita Selangor: Negeri tahan uji — 10 & 17

Penjawat awam terima bantuan khas sebulan gaji — 2

Hampir RM250 juta tingkat jaringan jalan raya — 3

Infografik program utama Kerajaan Negeri tahun depan — 12-13

RM35 juta bina dua kolam takungan banjir — 19

Wujud taman industri halal pertama di Malaysia — 5

Galeri seni moden bakal diwujud di Shah Alam — 8

RM3 juta perkenal skim pendidikan anak Selangor — 9

Dana ADN pembangkang naik hingga RM400,000 — 22

Diterbitkan oleh **Media Selangor Sdn Bhd** (sebelumnya dikenali **Communication Corporation Sdn Bhd**), Aras 11, Menara Bank Rakyat, No. 1, Jalan Indah 14/8, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor.
Dicetak oleh **Ultimate Print Sdn. Bhd** Lot 2, Jalan Sepana 15/3, off Pesiaran Selangor Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor